



Sultan Sharafuddin Idris Shah diiringi Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zain **beramah mesra dengan barisan pegawai kadet** pada istiadat Pentauliah Diraja Pegawai Kadet PALAPES Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Padang Kawad Universiti Putra Malaysia (UPM), semalam.
[Foto Bernama]

Anggota PALAPES terus kerjaya dalam tentera

» *Sultan Selangor mahu pegawai kadet pertahan keamanan negara*

Oleh Siti Azila Alias
sitiiazila@bh.com.my

▀ Serdang

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, menitahkan semua anggota Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) yang ditauliahkan, meneruskan kerjaya sama ada dalam angkatan tetap atau pasukan simpanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Baginda bertitah agar ilmu yang diperoleh mereka tidak disia-siakan, sebaliknya terus menyumbang kepada pertahanan dan kesejahteraan negara dalam menghadapi sebarang ancaman dari dalam atau luar negara.

Pada masa sama, baginda bertitah agar ilmu yang diperoleh sepanjang dalam PALAPES dimanfaatkan dan diperkembangkan bagi menghadapi cabaran yang mendatang.

Terus berbakti

“Beta ingin mengingatkan saudara-saudari sekalian (pegawai kadet) supaya meneruskan sumbangan bakti yang tinggi untuk negara dalam segala aspek di mana jua berada dan boleh menyumbang dalam mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara daripada anasir tidak diingini.

“Ilmu ketenteraan yang di-

pelajari dalam jangka waktu tiga tahun bersama PALAPES, amatlah berguna dan perlu terus diperkembangkan lagi di dalam pasukan simpanan yang akan disertai kelak,” titah baginda.

Baginda bertitah demikian sempena Perbarisan Pentauliahkan Diraja Pegawai Kadet PALAPES Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ke-34 di Padang Kawad Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Yang turut hadir adalah Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali; Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin dan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan.

Seramai 1,628 Pegawai Kadet PALAPES daripada 18 universiti menerima pentauliahkan pada istiadat berkenaan merangkumi 1,153 Pegawai Kadet Darat; 231 Kadet Laut dan 244 Kadet Udara.

Sultan Sharafuddin bertitah, semua pegawai kadet dapat meneruskan semangat patriotik demi mewujudkan kecintaan kepada negara serta dapat memberi nilai tambah dalam diri sama ada dari segi rohani mahu pun jasmani.

Bersesuaian dengan tema pentauliahkan kali ini iaitu ‘Watan Mendaulat Nusa’, baginda bertitah, amat sesuai untuk pegawai kadet yang ditauliahkan menjadi contoh kepada yang lain.